

Jabatan Sains Kemasyarakatan  
Fakulti Pengajian Pendidikan

SKA 300  
Sistem Kekeluargaan Dan  
Organisasi Sosial

Adat Berendui Di Negeri Kedah Dan  
Adat Bersandui Di Negeri Sembilan : Satu Perbandingan

oleh

Mazmin binti Mat Akhir	22810
Faizah binti Mas'ud	22820
Shalehaton binti Md.Arip $\checkmark$ w/	22852
Zuraini binti Borhan	22853

Pensyarah

En Nurhalim Haji Ibrahim

Universiti Pertanian Malaysia  
Serdang Selangor

3 April 1990

JABATAN SAINS KEMASYARAKATAN  
FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

SKA 300

ADAT BERSANDUI (NEGERI SEMBILAN)  
DAN ADAT BERENDOI (KEDAH) :  
SATU PERBANDINGAN

OLEH :-

MAZMIN MAT AKHIR	22810
FAIZAH MAS'UD	22820
SHALEHATON MD. ARIP	22852
ZURAINI BORHAN	22853

2 APRIL 1990

## PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah kerana dapat menyiapkan tugas SKA 300 ( Sistem Kekeluargaan Dan Organisasi Sosial ).

Kami bersyukur kerana banyak pihak telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Setinggi-tinggi terima kasih kepada Pensyarah SKA 300, En. Nurhalim Ibrahim yang telah banyak memberi komen serta pandangan dalam menjalankan tugas ini.

Jutaan terima kasih juga kepada para penduduk Kampung Pedas dalam daerah Rembau di Negeri Sembilan serta penduduk-penduduk Kg. Mawat, Langkawi yang banyak memberi bantuan bagi memudahkan penyelidikan kami. Ingin kami nyatakan rasa terharu kami di atas segala jasa baik yang dicurahkan.

Tugas ini, banyak memberi kami pengalaman pahit dan manis. Namun yang pentingnya, kami mula mengakui betapa tingginya nilai budaya yang kita punyai. Adat-adat warisan budaya sepatutnya dijaja dan

dipelihara dengan baiknya supaya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas. Kami juga menyedari bahawa adat-adat warisan ini adalah mewarisi kebudayaan nenek moyang terdahulu. Seterusnya mendekatkan kita kepada nilai-nilai murni yang wujud dalam pengalaman adat-adat ini.

Akhir sekali, kami percaya Tugas SKA 300 ini akan memberi kami pengalaman dan kefahaman untuk menjalani tugas-tugas lain yang akan kami hadapi kelak.

Sekian. Wassallam.

## Senarai kandungan

muka surat

PRAKATA	i
Senarai kandungan	iii
1.0 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi konsep	2
1.3 Objektif kajian	3
1.4 Limitasi kajian	4
2.0 ADAT BERSANDUI DI NEGERI SEMBILAN	
2.1 Latar belakang	6
2.2 Amalan	
2.2.1 Peralatan	7
2.2.2 Bila dilakukan dan di mana	10
2.2.3 Siapa yang terlibat	11
2.2.4 Bacaan	12
3.0 ADAT BERENDUI DI NEGERI KEDAH	
3.1 Latar belakang	15
3.2 Amalan	
3.2.1 Peralatan	16
3.2.2 Bacaan	20
3.2.3 Bila dilakukan dan di mana	23
3.2.4 Siapa yang terlibat	25
4.0 PERBANDINGAN	28
4.1 Persamaan	29
4.2 Perbezaan	30
5.0 KESIMPULAN	
Bibliografi	

#####

#### 4.0 PERBANDINGAN

Perbandingan di antara adat berendoi (di Kedah) serta adat bersandoi (Negeri Sembilan) menghasilkan beberapa persamaan dan perbezaan yang jelas. Persamaan dan perbezaan ini dapat dilihat dari aspek latar belakang sejarah kedua adat, pengamalan adat tersebut iaitu dari segi peralatan, situasi, masa dan tempat dilakukan serta faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi pengamalan adat ini.

#### 4.1 Persamaan

Selepas penyelidikan, kami mendapati tujuan adat ini dilakukan adalah sama di kedua buah negeri. Di mana adat berendoi dan bersandoi dijalankan untuk menyambut kelahiran bayi selepas dicukur rambutnya serta dibuai di dalam buaian khas diiringi oleh lagu-lagu nasihat.

Terdapat 3 persamaan yang jelas dari segi tujuan dan pengamalan yang disebutkan di atas. Pertama, adat berendoi dan bersandoi dilakukan selepas bayi bercukur rambut. Ini bermakna, kedua adat dijalankan selepas bayi diberi nama semasa upacara bercukur rambut.

Kedua, lagu-lagu yang dinyanyikan merupakan pengaruh irama Arab. Lirik lagu-lagu tersebut mempunyai unsur-unsur nasihat dan hiburan kepada bayi yang dibuai.

Ketiga, kedua-dua adat ini dijalankan di dalam satu upacara. Ini bermakna kedua-dua adat melibatkan para jemputan dan saudara mara yang akan bekerjasama di dalam menjayakan majlis tersebut.

Keempat, buaian yang digunakan adalah buaian yang telah dihias dengan indah mengikut cara masing-masing.

Kelima, lagu-lagu tersebut dinyanyikan oleh 4 orang lelaki yang akan mengelilingi buaian tersebut. Keempat-empat lelaki ini menyanyikan lagu-lagu ini sehingga tamatnya majlis menyambut bayi ini.

Keenam, peralatan penting iaitu tali yang diikat pada buaian digunakan di dalam kedua-dua adat. Tali ini digunakan untuk menarik atau mengayun buaian selepas bayi diletakkan di dalam buaian tersebut.

Biasanya mereka yang menjadi ketua dalam majlis ini adalah orang yang paling tua dalam keluarga. Jika majlis itu dijalankan di rumah datuk dan nenek bayi, maka ketua majlis adalah datuk bayi tersebut. Ini tidak kira di Langkawi atau Negeri Sembilan, cuma di Langkawi mengamalkan petrilincal yang lebih kepada keluarga lelaki dan di Negeri Sembilan mengamalkan metrilincal.

Rumusannya, persamaan di antara kedua adat dapat dilihat dengan jelasnya terutama dari segi pengamalan iaitu peralatan buaian yang dihias, tali, lagu-lagu yang dinyanyikan, bila dan masa adat berendoi dan bersandoi dilakukan.

#### 4.2 Perbezaan

Hasil daripada penyelidikan, kami dapati lebih banyak perbezaan dari persamaan tentang upacara ini di kedua-dua buah negeri. Perbezaan ini timbul dari perkara-perkara kecil tetapi masih memperlihatkan perbezaan yang jelas.



Keenam, peralatan penting iaitu tali yang diikat pada buaian digunakan di dalam kedua-dua adat. Tali ini digunakan untuk menarik atau mengayun buaian selepas bayi diletakkan di dalam buaian tersebut.

Biasanya mereka yang menjadi ketua dalam majlis ini adalah orang yang paling tua dalam keluarga. Jika majlis itu dijalankan di rumah datuk dan nenek bayi, maka ketua majlis adalah datuk bayi tersebut. Ini tidak kira di Langkawi atau Negeri Sembilan, cuma di Langkawi mengamalkan petrilincal yang lebih kepada keluarga lelaki dan di Negeri Sembilan mengamalkan metrilincal.

Rumusannya, persamaan di antara kedua adat dapat dilihat dengan jelasnya terutama dari segi pengamalan iaitu peralatan buaian yang dihias, tali, lagu-lagu yang dinyanyikan, bila dan masa adat berendoi dan bersandoi dilakukan.

#### 4.2 Perbezaan

Hasil daripada penyelidikan, kami dapati lebih banyak perbezaan dari persamaan tentang upacara ini di kedua-dua buah negeri. Perbezaan ini timbul dari perkara-perkara kecil tetapi masih memperlihatkan perbezaan yang jelas.

i) Latar belakang

Perbezaan utama ialah mengenai latar belakang kedua-dua adat. Adat bersandoi di Negeri Sembilan diamalkan mengikut cara pengambilan madu lebah iaitu diambilkira pengaruh pohon besar serta semangat angin dan api. Pengaruh-pengaruh tersebut diperlihatkan dalam perlakuan adat bersandoi. Manakala adat berendoi di Negeri Kedah mewarisi warisan Mahsuri di zamannya. Walau bagaimanapun pada masa kini, kedua-dua adat bersandoi dan berendoi adalah mengikut syariat nabi.

ii) Peralatan

a) Buaian

Di dalam adat bersandoi, buaian rotan digunakan dengan meletakkan 3 lapisan kain berwarna-warni di dalamnya yang bertujuan untuk memberi keselesaan kepada bayi. Manakala didalam adat berendoi, buaian kain digunakan dan diletakkan lapisan kain mengikut angka ganjil iaitu 3,5,7 helai dan seterusnya. Warna-warna kain yang dipilih adalah warna kuning, merah dan hitam.

Di Negeri Sembilan, biasanya 2 daripada 4 orang yang menyanyi lagu endoi dan mengayun buaian manakala di Langkawi, ibu kepada bayi tersebut yang mengayun buaian.

b) Hiasan

Di dalam upacara bersandoi, emas merupakan hiasan utama pada buaian rotan tersebut. Emas ini melambangkan kepentingan kekayaan kepada manusia serta menggalakkan manusia mencari kekayaan. Di Kedah, hiasan utama di buaian ialah karangan bunga yang harum dan indah. Penduduk kampung Niwat mempercayai karangan bunga yang indah mewakili kehidupan bahagia bayi tersebut di masa hadapan.

c) Tombak, sarang ketupat di daun kelapa, gula-gula dan barang yang boleh dijadikan hiasan. Peralatan di atas diperlukan di dalam menjalankan upacara bersandoi di Negeri Sembilan. Tombak melambangkan keberanian manakala ketupat adalah hidangan utama di majlis bersandoi.

Di negeri Kedah, peralatan-peralatan tersebut tidak digunakan.

iii) Bacaan

Istilah yang digunakan bagi lagu-lagu nyanyian di dalam adat bersandoi dan berendoi adalah berbeza. Bagi adat bersandoi, bacaan tersebut dinamakan lagu endoi. Manakala bagi adat berendoi, lagu-lagu tersebut dinamakan dikir.

Bacaan-bacaan di dalam lagu endoi lebih mirip kepada syair, dengan penghujung sesuatu ayat di dalam sesuatu rangkap adalah sama.

Misalnya :-

Hai segala anaknya Adam,  
Asalnya wahi nurul uhalam,  
Dipecahnya empat nasirnya Adam,  
Dipecahnya pula sekelian alam.

Sesuatu lagu endoi mempunyai bilangan rangkap yang berbeza-beza. Kadang kala rangkap-rangkap tersebut hampir kepada 11 atau 12 rangkap.

Dikir di negeri Kedah pula mempunyai rangkap-rangkap yang dinamakan hadi. Ayat-ayat di dalam satu rangkap tidak semestinya mempunyai huruf hujung yang sama. Sesuatu lagu dikir mempunyai 3 hadi atau rangkap.

Kedua berendoi dan bersandoi memerlukan 4 orang lelaki untuk menyanyikan lagu-lagu endoi dan dikir. Di Negeri Sembilan, tukang endoi akan diberi upah dalam bentuk wang oleh tuan rumah. Di negeri Kedah, upah tidak diperlukan. Sekiranya tuan rumah bermurah hati untuk memberi upah, hal ini tidak menjadi halangan.

iv) Bila dan di mana dilakukan

Di dalam upacara berendoi, majlis dijalankan selepas 7 hari bayi dilahirkan. Ia dilakukan serentak dengan hari bercukur rambut dan menamakan bayi. Di Negeri Sembilan, majlis ini disertai dengan majlis besar-besaran dan majlis berzanji bersama dengan penyembelihan lembu atau kambing untuk akikah bagi bayi tersebut. Sembelihan ini kemudian dimasak dan dijadikan hidangan kepada tetamu yang hadir. Masakan ini biasanya manis-manis rasanya iaitu mengikut syariat nabi.

Upacara berendoi pula, dilakukan selepas 7, 14 atau 21 hari selepas bayi dilahirkan bergantung kepada keupayaan ibu bapa bayi tersebut mendapatkan wang bagi membayar upah kepada bidan untuk mencukur bayi. Upacara ini juga boleh diadakan serentak atau berasingan dari upacara bercukur rambut dan menamakan bayi.

Sekiranya upacara berendoi dilakukan serentak dengan upacara bercukur sedikit kenduri akan diadakan. Jika tidak, minuman seperti kopi dan air sejuk dihidangkan pada tetamu. Sekiranya adat berendoi dilakukan secara berasingan daripada upacara bercukur rambut.

Di sini, terdapat perbezaan yang nyata dari segi fungsi bidan. Bidan mempunyai fungsi sepenuhnya di dalam upacara bercukur dan menamakan bayi di Langkawi, Kedah tetapi sebaliknya pula berlaku di Negeri Sembilan. Bidan tidak memainkan peranan yang penting.

Tempat dilakukan upacara berendoi dan bersandoi juga berbeza-beza. Di sini pola patrilocal dan matrilocal diambilkira. Di dalam upacara berendoi, ia dijalankan di rumah pihak lelaki tetapi bersandoi pula dijalankan di rumah pihak perempuan (ibu).

v) Siapa Yang Terlibat

Adat bersandoi di Negeri Sembilan memerlukan penglibatan kaum keluarga yang luas. Ini bermakna penglibatan dari saudara mara di kedua belah pihak diperlukan. Dalam proses penyediaan peralatan dan majlis hanya pihak perempuan yang terlibat iaitu waris-waris bagi ibu bayi. Manakala semasa majlis

dijalankan, jemputan dari pihak lelaki akan berkunjung ke rumah pihak perempuan dengan membawa pelbagai hidangan seperti wajik, dodol dan hadiah berupa keperluan bayi. Ini bermakna kedua-dua belah pihak akan terlibat secara langsung semasa majlis dijalankan.

Di negeri Kedah, pihak lelaki merupakan tuan rumah. namun saudara mara di pihak perempuan (ibu) merupakan jemputan pada hari upacara dijalankan. Orang-orang kampung merupakan mereka yang terlibat secara langsung. Jika dilihat secara lebih dekat, Kampung Mawat merupakan kampung kecil yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil. Individu di dalam kampung tersebut saling bersaudara.

## 5.0 KESIMPULAN

Kedua upacara bersendoi dan berendoi merupakan warisan yang amat berharga. Oleh itu sehingga kini, masih ada orang-orang yang mengamalkan adat bersendoi di Negeri Sembilan.

Di Kampung Mawat, penduduk-penduduk menyanjung tinggi warisan yang ditinggalkan oleh Mahsuri dan mereka masih lagi mengamalkan adat ini sepenuhnya. Adat menyambut bayi mungkin wujud di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia dengan nama-nama yang berbeza. Keadaan

## Bibliografi

1. Dussek.O.T (1917), (Hair Cutting Ceremony'), Royal Asiatic Journal, Volume 19, Jilid XV 11, muka surat 119.
2. Harum Mat Piah (1980), 'Upacara Adat Bersandui Di Negeri Sembilan' Dewan Budaya Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka.Kuala Lumpur